

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIV)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

21. Apakah kaedah lain selain daripada *bollard* atau papan tanda yang kerajaan boleh lakukan bagi mengatasi isu kekurangan tempat kereta dan kenderaan meletak tepi jalan yang menyempitkan banyak jalan untuk melancarkan perjalanan penduduk Pulau Tikus di kawasan perumahan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Setakat ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengenal pasti kawasan di sekitar Pulau Tikus sebagai kawasan yang mempunyai isu kekurangan tempat letak kereta disebabkan oleh kepadatan penduduk yang sangat tinggi. Keadaan ini telah menyebabkan penduduk dan pengunjung di Pulau Tikus meletakkan kenderaan di tepi jalan dan mengakibatkan kelancaran perjalanan di kawasan tersebut terjejas.

Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah tersebut MBPP telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Melaksanakan sistem jalan sehala untuk mewujudkan ruang tempat letak kenderaan tambahan bagi membolehkan kenderaan diletak di tepi jalan tanpa mengganggu aliran lalu lintas seperti di Lorong Bangkok, Jalan Concordia, Jalan Pasar dan Lorong Pulau Tikus termasuk sebahagian jalan-jalan khidmat yang menghadap Jalan Burma dan Jalan Kelawai;

- (ii) Menggunakan sistem *Closed Circuit Television* (CCTV) untuk memantau pergerakan lalu lintas dan memberi amaran kepada pemandu yang meletak kenderaan di kawasan larangan atau yang mengganggu aliran lalulintas melalui speaker CCTV;
- (iii) Menyediakan perkhidmatan Bas CAT secara percuma bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam;
- (iv) Menjalankan rondaan dengan lebih kerap di kawasan Pulau Tikus;
- (v) Menjalinkan kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Balai Polis Pulau Tikus bagi sama-sama membantu memantau dan mengawal keadaan semasa;
- (vi) Mengambil tindakan tegas terhadap setiap salah laku individu seperti saman, kapit dan tunda kenderaan; dan
- (vii) Menetapkan syarat supaya pemajuan-pemajuan baru menyediakan tempat letak kenderaan yang mencukupi.

Kesemua kaedah ini diharapkan dapat menanggani isu kekurangan tempat letak kereta dan seterusnya melancarkan perjalanan penduduk di Kawasan Pulau Tikus. Walau bagaimanapun, diharapkan pemilik kenderaan yang sering meletakkan kenderaan di tepi jalan tidak mementingkan diri sendiri dan menjelaskan kelancaran lalu lintas. Pemilik kenderaan juga boleh meletakkan kenderaan di tempat letak kereta berbayar yang sedikit jauh daripada lokasi yang dituju tanpa perlu menyusahkan orang lain.